

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 13/12/2024  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 23  
Tajuk : ZPP kutip RM3.83 juta zakat perniagaan

Melibatkan 13 institusi korporat melalui skim potongan bulanan

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI PERAI

Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengutip RM3.83 juta bagi bayaran zakat perniagaan pada tahun 2023 melibatkan 13 institusi korporat.

13 institusi tersebut ialah Koperasi Tunas Muda Sungai Ara (RM961,069), Co-op Bank Pertama Malaysia Berhad (RM595,455), RHB Islamic Bank Berhad (RM400,000), Bank Muamalat Malaysia Berhad (RM332,710), CelcomDigi Bhd (RM322,690) Bank Islam Malaysia Berhad (RM296,000) dan AEO Freight Sdn Bhd (RM218,000).

Turut sama ialah Agro Bank (RM200,000), UDA Holding Bhd (RM170,128), Syarikat

Hang Tuah Sdn Bhd (RM156,562), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (RM156,350), Affin Islamic Bank Berhad (RM100,000) dan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd (RM95,665).

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, pembayar zakat korporat terdiri daripada syarikat, institusi perbankan dan koperasi serta majikan daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun serta swasta.

Menurutnya, kesemua pembayar zakat korporat komited menunaikan zakat kepada ZPP sejak 1995 hingga 2024 melalui skim potongan bulanan yang kini dikenali sebagai Skim Sakinah ZPP.

"Pada 2023, prestasi ekonomi

# ZPP kutip RM3.83 juta zakat perniagaan



Mohamad (tengah) bersama wakil 13 institusi korporat menunjukkan jumlah zakat perniagaan yang dibayar pada 2023.

Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Ia meningkat RM3.7 bilion berbanding pada 2022.

"Data ini menunjukkan ekonomi Pulau Pinang berada

pada landasan kukuh dan menjamin peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor terutama pembuatan dan teknologi tinggi," katanya pada Majlis Serahan Zakat Korporat & Apresiasi Majikan Skim Sakinah ZPP dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

(MAINPP) 2024 di sini pada Khamis.

Mohamad menambah, kerajaan negeri amat optimis dengan pelbagai inisiatif dalam Belanjawan 2025 yang berpaksikan kepada kemakmuran ekonomi rakyat.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA